

Jurnal iJALAL  
Pusat Pendidikan ICESCO di MALAYSIA  
E-ISSN: 3083-8622  
2024, Bilangan 1, Isu 1, Halaman 82-95

## **PENGAJARAN BALAGHAH (AL-BADI') MEMPERKUKUHKAN PEMBINAAN KARAKTER PELAJAR *TEACHING BALAGHAH (AL-BADI') STRENGTHENS THE CHARACTER DEVELOPMENT OF STUDENTS.***

Mohamad Syukri Abdul Rahman<sup>1\*</sup>, Yaakob Hasan<sup>2</sup>, Md Noor Hussin<sup>3</sup>,  
Muhamad Syafiq Shafie<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Profesor Madya, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia, [msyukri@uis.edu.my](mailto:msyukri@uis.edu.my)

<sup>2</sup>Pensyarah, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia, [yaakob@uis.edu.my](mailto:yaakob@uis.edu.my)

<sup>3</sup>Pensyarah, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia, [mdnoor@uis.edu.my](mailto:mdnoor@uis.edu.my)

<sup>4</sup>Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, [syafiq.shafie08@gmail.com](mailto:syafiq.shafie08@gmail.com)

\* Penulis Penghubung

*Artikel diterima: 20 Nov 2024 | Selepas Pembetulan: 26 Nov 2024 | Diterima untuk terbit: 26 Nov 2024*

### **Abstrak**

Pengajaran Balaghah di IPT adalah untuk melengkapi pelajar dengan ilmu Balaghah yang merupakan asas penting dalam penguasaan Bahasa Arab. Penulisan kertas kerja ini memperlihatkan dapatan tentang keupayaan pengajaran Balaghah khususnya al-Badi' dalam memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar. Penelitian tekstualiti ini berasaskan kepada kajian teks sukatan subjek Balaghah II (Al-Badi') khususnya tajuk al-Jinas bagi program Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab Terjemahan) Universiti Islam Selangor. Dapatan kajian ini membuktikan pembelajaran Balaghah dapat mempengaruhi pembinaan karakter yang berteraskan sopan santun. Sopan santun pelajar boleh dilihat dari kesantunan berbahasa yang merujuk kepada nilai sopan, melibatkan pertuturan yang elok, halus dan indah serta sikap yang memancarkan budi pekerti mulia. Implikasi kajian ini adalah penting untuk mengetahui sejauh mana pengaruh pengajaran Balaghah di IPT terhadap pembinaan karakter seseorang pelajar dan memberi gambaran akan kepentingan menghasilkan modul pengajaran Balaghah yang bermutu dalam mendidik pelajar dengan mengutamakan nilai-nilai murni dalam masyarakat selain membantu mereka dalam penguasaan Bahasa Arab.

### **Kata kunci**

Pengajaran, Balaghah (Al-Badi'), Memperkukuhkan, Pembinaan Karakter, Pelajar

## Abstract

*Teaching Balaghah in Higher Education Institutions aims to equip students with knowledge of Balaghah, which is a crucial foundation in mastering the Arabic language. This paper presents findings regarding the effectiveness of teaching Balaghah, particularly al-Badi', in strengthening students' character development. This textual analysis is based on the study of the syllabus text for the subject Balaghah II (Al-Badi'), specifically on the topic of Al-Jinas, for the Bachelor of Islamic Studies program (Arabic Language and Translation) at Universiti Islam Selangor. The findings of this study demonstrate that learning Balaghah can influence character development rooted in politeness. Students' politeness can be observed through their use of language, which refers to the values of courtesy, involving speech that is good, refined, and beautiful, as well as attitudes that reflect noble character. The implications of this study are important to understand the extent of the influence of Balaghah teaching in higher education on a student's character development and to illustrate the importance of producing quality Balaghah teaching modules that prioritize moral values in society while also assisting students in mastering the Arabic language.*

## Keywords

*Teaching, Balaghah (Al-Badi'), Strengthening, Character Development, Students.*

---

## 1. Pendahuluan

Balaghah merupakan salah satu komponen utama dalam kesusasteraan Arab yang wajib dipelajari oleh pelajar jurusan Bahasa Arab sama ada sebagai subjek major, minor, wajib atau elektif dalam sesebuah institusi. Tambahan pula, ia merupakan elemen penting dalam proses penguasaan Bahasa Arab dengan baik. Ilmu Balaghah terbahagi kepada Tiga Bahagian, iaitu: *Ilmu al-Ma'ani*, *Ilmu al-Bayan* dan *Ilmu al-Badi'*. *Ilmu al-Badi'* pula menumpukan tajuk-tajuk yang menghiasi lafaz dan tajuk-tajuk yang menghiasi makna. Ia menghiasi dan mengindahkan percakapan. Ia bersifat luaran umpama perhiasan yang menghiasi perempuan. *Ilmu al-Badi'* mengajar dan mendidik pelajarinya menghiasi percakapan dengan nilai estetika yang indah serta mampu menarik perhatian dan memukau pendengarnya. Ia mengajar penutur bijak berbicara. Hal ini bertepatan dengan Sabda Rasulullah s.a.w: *إن من البيان لسحرا*. Maksudnya:

Sesungguhnya percakapan itu sesuatu yang menarik perhatian. Namun perlu difahami bahawa penggunaan gaya bahasa *al-Badi'* tidak menjadi pra syarat kesantunan dalam percakapan. Terdapat percakapan yang tidak menggunakan gaya Bahasa al-Badi' namun masih dianggap *fasih* dan *baligh*. Antara tajuk-tajuk *Ilmu al-Badi'* ialah *al-Jinas*, *al-Saj'*, *al-Iqtibas*, *Husnu al-Ta'li*, *al-Tauriyyah*, *al-Tibaq wa al-Muqabalah*, *Ta'kid al-Fikrah* Bima Yushbib Diddubu.

Dalam mendatangkan contoh gaya bahasa *al-Badi'* para ulama' Balaghah mendatangkan contoh dari al-Quran, Hadis, puisi dan prosa yang mempunyai nilai pendidikan akhlak dan pembangunan karakter. Artikel ini cuba mengenengahkan sejauh mana contoh gaya bahasa *al-Badi'* yang terdapat dalam Subjek Balaghah II (*al-Badi'*) yang diajar di Universiti Islam Selangor mampu memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar yang berteraskan sopan santun. Bagaimanapun melihat kepada ruang yang ada maka penulis cuba membatasi contoh gaya bahasa *al-Badi'* yang diajar kepada tajuk *al-Jinas* sahaja. Bagi menyokong artikel ini agar ia dapat difahami dengan jelas dari sudut al-balaghah maka penulis cuba menjelaskan pengenalan al-fasahah dan al-balaghah.

## 2. Ulasan Literatur

Kajian bertajuk *Nilai-Nilai Pendidikan Karakter dalam Pembelajaran Kitab Balaghah di Pesantren* yang telah dijalankan oleh Mahfuz Syamsul Hadi dan Abdul Muhid (2022) ini meneliti bagaimana pembelajaran kitab Balaghah di pesantren dapat menyumbang kepada pembentukan karakter pelajar. Dalam kajian berkenaan, penulis menggunakan pendekatan kualitatif manakala proses pengumpulan data pula dilakukan dengan tiga (3) cara: pemerhatian, dokumentasi dan temubual. Teknik analisis data terdiri daripada empat langkah: Pengumpulan data merupakan langkah pertama, diikuti dengan penyajian data, penyederhanaan data, dan penarikan kesimpulan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran Balaghah membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai moral seperti kejujuran, kesabaran, dan tanggungjawab. Ini dicapai melalui analisis teks-teks klasik yang mengandungi pelbagai contoh retorik yang mengajarkan nilai-nilai tersebut.

Melalui pengajaran Balaghah juga, pelajar diajar untuk menganalisis dan menilai teks secara kritis. Ini bukan sahaja memperkukuhkan kemahiran bahasa mereka tetapi juga membantu dalam pengembangan pemikiran kritis dan analitis. Nilai-nilai yang dipelajari melalui Balaghah yang dibahaskan melalui syair-syair dan sebagainya dapat diterapkan dalam kehidupan seharian pelajar, membantu mereka membentuk karakter yang baik dan berakhlak mulia. Kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran Balaghah di pesantren bukan sahaja memperkaya pengetahuan bahasa pelajar tetapi membantu dalam membentuk individu yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

Abdurahman et al. (2024) dalam artikel mereka *The Urgency of Integrating Character Education Values in Balaghah Learning* mendapati bahawa gabungan pendidikan karakter dalam pembelajaran Balaghah memudahkan pelajar menghayati nilai-nilai Islam melalui kefahaman retorik dan kefasihan berbahasa Arab. Selain itu, kajian oleh Setiyawan (2015) mendapati bahawa nilai seperti kesabaran, integriti, dan

tanggungjawab yang diserapkan dalam pelajaran bahasa Arab bukan sahaja membantu pelajar dari aspek akademik tetapi turut menyokong pembangunan sahsiah diri mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan dan kajian lapangan. Abdurahman et al. menggunakan kaedah analisis kandungan, meneliti bahan pengajaran Balaghah dan kesesuaiannya untuk menyerapkan nilai-nilai karakter. Hasil kajian menunjukkan kepentingan penerapan pendidikan karakter dalam pembelajaran bahasa Arab dan Balaghah. Ia bukan sahaja meningkatkan penguasaan bahasa, tetapi juga membentuk pelajar dengan sahsiah yang baik. Dengan demikian, pendidikan bahasa Arab yang berasaskan nilai-nilai moral dan karakter sangat diperlukan untuk membentuk generasi yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berakhlak dan bertanggungjawab.

Manakala Hazimi (2019) dalam kajiannya *Syair-syair dalam kitab Ta'lim Mutaalim: Studi analisis balaghah secara aspek maani dan makna pendidikan karakter yang terkandung didalamnya* memberikan sumbangan penting dalam bidang pendidikan karakter melalui analisis balaghah, terutama dari sudut pandang semantik atau aspek ma'ani. Kajian ini menyoroti bagaimana syair-syair dalam Kitab Ta'lim Muta'allim tidak hanya berfungsi sebagai sarana pendidikan linguistik tetapi juga menjadi alat pengajaran nilai moral dan karakter. Pendekatan kualitatif telah digunakan dengan analisis teks terhadap syair-syair dalam Kitab Ta'lim Muta'allim. Kajian ini terfokus pada aspek balaghah, khususnya dari segi ma'ani, di mana setiap syair dianalisis untuk mengungkapkan makna yang lebih dalam berkaitan dengan pendidikan karakter. Dapatan kajian menunjukkan bahawa syair-syair dalam kitab ini sarat dengan nilai pendidikan karakter yang selari dengan ajaran Islam. Syair-syair tersebut mengandungi pelbagai nilai seperti keikhlasan, penghormatan terhadap ilmu dan guru, kesabaran, serta sikap rendah hati. Kajian ini mendapati bahawa nilai-nilai ini disampaikan secara halus melalui keindahan bahasa dan susunan kata yang penuh makna dalam syair, menjadikannya efektif dalam menyentuh emosi dan pemikiran pelajar. Syair dalam kitab ini tidak hanya bertujuan untuk membina kecerdasan bahasa tetapi juga untuk memupuk moral yang baik dalam kalangan pembaca. Kesimpulan yang diperoleh daripada kajian ini menekankan bahawa syair dalam Kitab Ta'lim Muta'allim bukan sahaja menyampaikan keindahan bahasa, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mendidik jiwa dan membentuk sahsiah individu yang baik.

Berikutnya kajian oleh Setiyawan (2015) bertajuk *Pengintegrasian Nilai Pendidikan Karakter dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Pusat Pengembangan Bahasa UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta* berfokus pada integrasi nilai-nilai pendidikan karakter dalam kurikulum pembelajaran bahasa Arab di Pusat Pengembangan Bahasa UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Kajian ini menggunakan metode kualitatif. Pengumpulan data adalah melalui pengamatan langsung dalam kelas bahasa Arab serta menganalisis

kandungan silabus dan bahan pengajaran yang digunakan. Kajian lapangan melibatkan analisis terhadap aktiviti pembelajaran bahasa Arab untuk melihat bagaimana nilai-nilai karakter dapat diterapkan dalam situasi nyata. Penggunaan kajian lapangan ini memberikan gambaran praktikal dan mendalam tentang bagaimana pendidikan karakter dilaksanakan secara khusus dalam kurikulum bahasa Arab. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan nilai pendidikan karakter dalam pembelajaran bahasa Arab meningkatkan kesedaran pelajar terhadap nilai-nilai moral. Kajian ini mendapati bahawa pelajar lebih mudah memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai ini apabila ia diterapkan dalam konteks pembelajaran bahasa melalui dialog, teks, dan aktiviti kolaboratif. Nilai karakter seperti jujur, berdisiplin, dan menghormati orang lain turut diperkuat melalui interaksi dalam kelas, khususnya apabila nilai-nilai ini disesuaikan dengan ajaran bahasa Arab yang kaya dengan budaya dan moral Islam. Kesimpulan, kajian ini menggarisbawahi bahawa integrasi pendidikan karakter dalam pembelajaran bahasa Arab bukan sahaja berperanan dalam meningkatkan keupayaan linguistik pelajar tetapi juga membina keperibadian mereka. Penerapan nilai-nilai seperti keikhlasan, hormat kepada guru, dan kejujuran memberikan impak positif dalam membantu pelajar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab dan berakhlak mulia.

Selain itu, kajian *Pembelajaran balaghah berbasis karakter* bertujuan untuk mengkaji pendekatan integratif dalam pembelajaran balaghah yang menekankan nilai-nilai karakter, seperti nilai moral dan etika, yang digabungkan dengan materi bahasa. Pendekatan ini dikembangkan berdasarkan pandangan bahawa pendidikan karakter sangat penting dalam membentuk kepribadian pelajar, terutama dalam konteks pendidikan Islam. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan kajian pustaka dan analisis konten. Penulis mengkaji teks dan bahan pengajaran balaghah yang relevan dan menganalisisnya dari sudut pandang pendidikan karakter. Selain itu, wawancara dengan pendidik dan pelajar turut dilakukan untuk mendapatkan maklum balas terhadap penerapan pendekatan ini. Faruq dan Nurcholis (2023) mendapati bahawa pendekatan ini tidak hanya meningkatkan pemahaman pelajar terhadap bahasa dan sastera Arab, tetapi juga menguatkan nilai-nilai seperti kejujuran, tanggungjawab, dan ketulusan. Penggunaan balaghah sebagai alat untuk menyampaikan nilai-nilai karakter membantu pelajar memahami kandungan bahasa secara lebih mendalam dan mempraktikkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang terdedah kepada pembelajaran balaghah berbasis karakter menunjukkan peningkatan dalam pemahaman linguistik dan dalam membentuk keperibadian yang baik. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran balaghah berbasis karakter adalah efektif dalam membina pelajar yang bukan sahaja mahir dalam bahasa Arab tetapi juga mempunyai asas moral dan etika yang kukuh.

### 3.0 Gaya Bahasa *Al-Badi'* (*al-Saj'*)

Conton-contoh gaya Bahasa *al-Badi'* dalam Subjek Balaghah II (*al-Badi'*) yang diajar untuk pelajar Sarjana Muda Jurusan Pengajian Islam (Bahasa Arab dengan Terjemahan) di Universiti Islam Selangor

| Bil. | Gaya Bahasa <i>al-Badi'</i>                                                                                                                                               | Penerapan Nilai Yang Memperkukuh Karakter Pelajar                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | <p><u>الجناس المماثل بين اسمين:</u></p> <p>أ) قوله تعالى:<br/>وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ يُقْسِمُ<br/>الْمُجْرِمُونَ مَا لَبِثُوا غَيْرَ سَاعَةٍ<br/>(سورة الروم-55)</p> | <p><b>Nilai Keinsafan dan Kesedaran tentang Masa</b></p> <p>Dalam contoh pertama, ayat Al-Quran dari Surah Ar-Rum ayat 55, menunjukkan pentingnya memahami bahawa masa di dunia adalah singkat dan sementara. Kesedaran ini dapat mendidik pelajar supaya menghargai masa, berusaha menjadi lebih produktif, dan mengelakkan pembaziran waktu.</p>                                                                          |
| 2    | <p>ب) قول البحتري:</p> <p>إذا العين راحت وهي عين على<br/>الهوى فليس بسر ما تسر<br/>الأضالع</p>                                                                            | <p><b>Nilai Ketulusan dan Kesetiaan</b></p> <p>Dalam contoh kedua dari puisi bertenaga oleh Al-Buhturi, yang menggambarkan keikhlasan perasaan cinta dalam jiwa. Pelajar dapat belajar tentang ketulusan dalam perhubungan serta memahami pentingnya kejujuran dalam meluahkan perasaan. Ini dapat membantu mereka memperkukuh nilai kesetiaan dan kejujuran dalam hubungan sesama rakan atau dalam kehidupan seharian.</p> |
| 3    | <p><u>الجناس المماثل بين</u><br/><u>فعلين:</u></p>                                                                                                                        | <p><b>Nilai kesedaran diri dan keinsafan terhadap kelemahan</b></p> <p>Syair ini menekankan kepentingan kesedaran diri dan keinsafan terhadap kelemahan, di mana seseorang atau</p>                                                                                                                                                                                                                                         |

|   |                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   | <p>قول أبي محمد الخازن:<br/>قوم لو أنهم لما قرضوا أو أنهم<br/>شعروا بالنقص ما شعروا</p>                                                                                                                                 | <p>masyarakat perlu menyadari kekurangan mereka, menyesali kesalahan, dan mengambil tindakan untuk memperbaiki diri dengan penuh tanggungjawab dan kerendahan hati.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 4 | <p><u>الجناس المماثل بين حرفين :</u><br/>نحو قولك : ”فلان يعيش بالقلم<br/>الحر الجريء فتفتح له أبواب<br/>النجاح به“</p>                                                                                                 | <p><b>Nilai kebebasan dan keberanian</b></p> <p>Dalam konteks pendidikan, penerapan nilai kebebasan dan keberanian ini mengajarkan pelajar untuk tidak takut untuk mengekspresikan diri, serta menjadi lebih bertanggungjawab terhadap tindakan mereka. Mereka akan mampu mengungkapkan idea mereka dengan cara yang jujur dan berani, yang seterusnya akan membantu mereka mencapai kejaya.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 5 | <p><u>الجناس المستوفي بين الاسم<br/>والفعل:</u><br/>قول محمد بن كناسة في رثاء ابن<br/>له:<br/>وسميته يحيى ليحيا ولم يكن<br/>إلى رد أمر الله فيه من سبيل<br/>تيممت فيه الفال حين رزقته<br/>ولم أدر أن الفال فيه يفيل</p> | <p><b>i)Nilai Keimanan dan Kepasrahan kepada Takdir Allah</b></p> <p>Dalam bait pertama, penyair menyebutkan bahawa beliau menamakan anaknya "يحيى" (Yahya) dengan harapan anaknya akan "hidup" (يحيى). Namun, beliau menyadari bahawa tiada siapa dapat menghalang takdir Allah. Hal ini menunjukkan kepasrahan kepada ketentuan Allah, yang boleh menguatkan iman pelajar bahawa segala sesuatu dalam kehidupan berada di bawah kekuasaan Allah.</p> <p><b>ii)Nilai Harapan dan Optimisme</b></p> <p>Penyair menggunakan perkataan "الفال" (optimisme atau firasat baik) ketika menamakan anaknya. Walaupun akhirnya harapan tersebut tidak terwujud, penyair menanamkan nilai positif iaitu pentingnya</p> |

|   |                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|---|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |                                                                                                                                                   | <p>berfikir baik dan berharap kepada Allah dalam setiap perbuatan.</p> <p><b>iii)Nilai Kesedaran akan Keterbatasan Manusia</b></p> <p>Dalam bait kedua, penyair mengakui bahawa beliau tidak mengetahui hakikat sebenar nasib yang akan menimpa anaknya. Ini menggambarkan keinsafan bahawa manusia memiliki keterbatasan dalam pengetahuan, dan hanya Allah yang Maha Mengetahui.</p> <p><b>iv)Nilai Kebijaksanaan dan Kesedaran Diri</b></p> <p>Penggunaan الجناس المستوفى antara "يحيى" (nama) dan "يحيا" (hidup), serta "الفال" (firasat baik) dan "يفيل" (hilangnya firasat baik), menonjolkan aspek refleksi dalam penyair. Melalui permainan kata-kata ini, pelajar diajar untuk merenung makna kehidupan dan menerima pengajaran daripadanya.</p> |
| 6 | <p><u>الجناس التركيب</u></p> <p>ذلك قول الشاعر:</p> <p>يا سيدا حاز رقى بما حباني وأولى</p> <p>أحسنتم برا فقل لي أحسنتم</p> <p>في الشكر أو لا؟</p> | <p><b>i)Nilai Penghargaan kepada Orang Lain</b></p> <p>Frasa "أحسنتم برا" (anda telah berbuat baik kepada saya) menggambarkan rasa penghargaan kepada orang yang memberikan kebaikan. Pengakuan ini menunjukkan bahawa pelajar diajar untuk mengenang jasa orang lain dan menghargai bantuan yang diterima.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |

|   |                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |                                                                                                             | <p><b>ii) Kesedaran dan Kesopanan dalam Berterima Kasih</b></p> <p>Frasa "فقل لي أحسنت في الشكر أولا" (beritahulah saya jika saya telah bersyukur dengan baik) mencerminkan usaha individu untuk memastikan ucapan terima kasihnya mencukupi dan sopan. Ini mendidik pelajar untuk sentiasa menunjukkan rasa terima kasih secara tulus dan menyempurnakan adab dalam hubungan sosial.</p> <p><b>iii) Nilai Keikhlasan dalam Melakukan Kebaikan</b></p> <p>Walaupun penyair menerima kebaikan, ia mencerminkan bahawa penghargaan harus diungkapkan dengan ikhlas dan bukan sekadar formaliti. Pelajar diajar untuk memahami bahawa keikhlasan dalam menerima dan membalas kebaikan adalah aspek penting dalam membina karakter.</p> <p><b>iv) Nilai Bahasa yang Indah sebagai Alat Pendidikan</b></p> <p>Penggunaan الجناس التركيبي antara frasa "أحسنت في الشكر" dan "أحسنت برا" memperlihatkan keindahan bahasa yang memikat hati. Pelajar boleh belajar untuk menghargai seni bahasa yang bukan sahaja menyampaikan makna, tetapi juga memperkaya pemikiran dan kreativiti.</p> |
| 7 | <p><u>جناس مضارع</u></p> <p>في أول اللفظ</p> <p>قول الحريري: "بيني وبين كني</p> <p>ليل دامس وطريق طامس"</p> | <p><b>Kesabaran Dan Ketahanan Mental</b></p> <p>Frasa ini menggambarkan keadaan yang sukar dan gelap dengan penggunaan perkataan "دامس" (gelap) dan "طامس" (kabur atau tidak jelas). Walaupun kedua-duanya menggambarkan kesusahan, ia</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |

|    |                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                                                                     | memberikan pengajaran bahawa pelajar perlu bersedia menghadapi cabaran yang sukar dalam kehidupan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 8  | <p>في الوسط:</p> <p>قوله تعالى: ”وهم ينهاون عنه وينأون عنه“</p> <p>(سورة الأنعام - 26)</p>          | <p><b>Kejujuran dan Keteladanan</b></p> <p>Ayat ini menggambarkan tindakan orang yang melarang orang lain mendekati kebenaran sambil menjauhkan diri daripadanya. "ينهاون" (melarang) dan "ينأون" (menjauhkan diri) membawa pengajaran bahawa tindakan buruk seperti menghalang orang daripada melakukan kebaikan adalah sifat tercela yang perlu dihindari. Pelajar harus belajar untuk tidak bersikap hipokrit atau menyembunyikan kebenaran sebaliknya pelajar hendaklah menjadi teladan dengan mengajak orang lain kepada kebaikan, bukan sebaliknya.</p> |
| 9  | <p>في الآخر:</p> <p>قول النبي صلى الله عليه وسلم:</p> <p>”الحيل معقود بنوصيها الخير“</p>            | <p><b>Kerajinan dan Optimisme</b></p> <p>Hadis ini menyatakan bahawa "بنواصيها" (kebaikan tergantung pada ubun-ubun kuda). Frasa ini menonjolkan unsur melalui kata "بنواصيها" dan "الجناس المضارع" yang menunjukkan hubungan antara usaha (diwakili oleh kuda sebagai alat perang atau transportasi) dan hasil kebaikan. Pelajar diajar bahawa kebaikan memerlukan usaha yang gigih.</p>                                                                                                                                                                     |
| 10 | <p>جناس لاحق</p> <p>في أول اللفظ:</p> <p>قول تعالى: ”ويل لكل همزة لمزة“</p> <p>(سورة الهمزة: 1)</p> | <p><b>i) Nilai Adab dalam Pergaulan</b></p> <p>Ayat ini melarang perbuatan mencela atau menghina orang lain, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Hal ini mengajarkan pelajar untuk menjaga adab dalam pergaulan dan mengelakkan sikap yang merendahkan orang lain.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                           |

|    |                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                                                                                                         | <p><b>ii)Nilai Akhlak dan Etika Islami</b></p> <p>Ayat ini menekankan pentingnya akhlak yang baik, selari dengan tuntutan Islam. Mencela orang lain bertentangan dengan nilai-nilai Islam, yang menganjurkan kasih sayang dan sikap saling menghormati.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 11 | <p>في الوسط</p> <p>قوله تعالى: ”ذلكم بما كنتم</p> <p>تفرحون في الأرض بغير الحق وبما</p> <p>كنتم تفرحون“</p> <p>( سورة المؤمن – 75 )</p> | <p><b>i)Nilai Kesederhanaan dalam Kegembiraan</b></p> <p>Ayat ini menegur sikap berlebihan dalam bergembira (تَفْرُحُونَ) tanpa mempertimbangkan kesan kepada orang lain. Pelajar diajar untuk menikmati kehidupan dengan cara yang sederhana dan tidak melampaui batas.</p> <p><b>ii)Nilai Kebertangjawaban</b></p> <p>Perbuatan (تَفْرُحُونَ)menggambarkan sikap bersenang-senang yang melalaikan tanggungjawab. Pelajar diajar untuk bersenang-senang dengan cara yang tidak mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri, orang lain, dan Allah.</p> <p><b>iii)Nilai Keadilan dan Kejujuran</b></p> <p>Frasa (غَيْرَ أَحَقِّ) menekankan larangan melakukan sesuatu yang tidak adil atau melanggar hak orang lain. Pelajar diajar untuk sentiasa bersikap adil dan tidak mengambil keseronokan di atas penderitaan orang lain.</p> <p><b>iv)Nilai Kesedaran Akan Balasan Akhirat</b></p> <p>Ayat ini memberikan peringatan bahawa tindakan berlebihan dalam kegembiraan</p> |

|    |                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                                                                                                                    | dan kesenangan yang tidak sah akan mendapat balasan di akhirat. Ini mengajarkan pelajar untuk sentiasa ingat bahawa kehidupan dunia adalah sementara, dan setiap perbuatan akan dipertanggungjawabkan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 12 | <p>الجناس ناقص</p> <p>في أول اللفظ</p> <p>قوله تعالى: ”والتفت الساق</p> <p>بالساق * إلى ربك يومئذ</p> <p>المساق“</p> <p>(سورة القيامة – 29-30)</p> | <p><b>i)Nilai Kesedaran Akan Kematian</b></p> <p>Ayat ini mengingatkan manusia bahawa kematian adalah sesuatu yang pasti, dan saat-saat itu adalah detik yang amat genting. Pelajar diajar untuk sentiasa menyedari hakikat kematian dan bersiap sedia untuk menghadapi hari perhitungan.</p> <p><b>ii)Nilai Ketundukan kepada Allah</b></p> <p>Frasa <b>إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمَسَاقُ</b> menunjukkan bahawa semua manusia akhirnya akan kembali kepada Allah untuk diadili. Ini mendidik pelajar untuk tunduk dan patuh kepada perintah Allah dalam setiap aspek kehidupan.</p> <p><b>iii)Nilai Keutamaan Amal Soleh</b></p> <p>Situasi <b>التفت الساق بالساق</b> menggambarkan kesukaran saat-saat akhir kehidupan. Pelajar diajar untuk memperbanyak amal soleh sepanjang hidup kerana saat kematian, hanya amal yang akan menjadi bekal</p> |
| 13 | <p>في الوسط:</p> <p>”جدي جهدي“</p>                                                                                                                 | <p><b>i)Nilai Kesungguhan dalam Belajar</b></p> <p>Frasa ini mengajarkan bahawa kejayaan hanya boleh dicapai melalui kesungguhan niat (<b>جَدِّي</b>) yang dipadukan dengan usaha bersungguh-sungguh (<b>جُهْدِي</b>). Pelajar diajar</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |

|    |                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|    |                                                                                                                           | <p>untuk fokus dan serius dalam menuntut ilmu.</p> <p><b>ii) Nilai Kerja Keras</b><br/>Perkataan جُهْدِي menekankan pentingnya bekerja keras dalam mencapai sesuatu. Pelajar diajar bahawa usaha yang gigih adalah kunci untuk mencapai kejayaan.</p>                            |
| 14 | <p>في آخره:<br/>مثل قول النابغة الذبياني:<br/>فيالك من حزم وعزم طواهما<br/>جديد الردى بين الصفا والصفائح</p>              | <p><b>Ketekunan dan Kesungguhan (حزم وعزم):</b></p> <p>Keteguhan hati dan keazaman untuk menghadapi cabaran hidup perlu diterapkan dalam diri pelajar. Mereka perlu memahami bahawa kejayaan memerlukan disiplin dan usaha yang konsisten.</p>                                   |
| 15 | <p>جناس القلب<br/>مثل: قول العباس بن الأحنف:<br/>حسامك فيه للأحباب فتح<br/>ورمحك فيه للأعداء حتف<br/>Al-Mīdānī (1996)</p> | <p><b>Keberanian dan Ketegasan</b></p> <p>Ungkapan "رمحك فيه للأعداء حتف" menunjukkan sifat keberanian dalam menghadapi musuh, iaitu ancaman atau cabaran. Pelajar boleh belajar untuk berani bertindak tegas terhadap perkara yang salah dan melindungi prinsip yang benar.</p> |

## Penutup

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran Balaghah khususnya al-Badi' dapat memperkukuh pembentukan karakter pelajar. Nilai-nilai ini mengajarkan pelajar untuk menghargai masa, menjalin hubungan yang jujur, mengekspresikan diri dengan berani, serta menerima takdir Allah dengan tawakal. Selain itu, kesedaran tentang keterbatasan manusia, ketahanan mental, kejujuran, kerja keras, dan adab dalam pergaulan turut menyumbang kepada pembentukan individu yang seimbang dan bertanggungjawab. Oleh itu, pengajaran balaghah melalui elemen al-Badi' bukan sahaja memperkaya kefahaman bahasa tetapi juga memainkan peranan penting

dalam memupuk nilai moral dan etika yang kukuh dalam diri pelajar, sekaligus membentuk generasi yang berjaya di dunia dan akhirat.

## Rujukan

- Abdurahman et al. (2024), The Urgency of Integrating Character Education Values in Balaghah Learning/"*Ahamiyyat Damj Qiyam Ta'lim al-Shakhṣiyyah fi Ta'allum al-Balaghah*". ALSUNIYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Budaya Arab, 7(1), 188-206.
- Faruq, Umar and Nurcholis, Ahmad (2023) *Pembelajaran Balaghah Berbasis Karakter*. Pustaka Media, Surabaya.
- Hazimi, M. I. (2019). Syair syair dalam kitab Ta'lim Mutaalim: Studi analisis balaghah secara aspek maani dan makna pendidikan karakter yang terkandung didalamnya (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).
- Mahfuz Syamsul Hadi dan Abdul Muhid (2022), Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Dalam Pembelajaran Kitab Balaghah Di Pesantren: Literature Review, Fakultas Agama Islam Universitas Wiralodra Indramayu, Risalah, Jurnal Pendidikan dan Studi Islam, 9(2), 127-144.
- Al-Mīdānī (1996), 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah, *al-Balāghah al-'Arabiyyah, Ususubā Wa 'Ulumuhā Wa Funūnuhā*, j 1. Damsyik : *Dār al-Qalam*, Beirut : *Dār al-Shāmiyyah*
- Setiawan, A. (2015). Pengintegrasian Nilai Pendidikan Karakter dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Pusat Pengembangan Bahasa UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Nadwa: Jurnal Pendidikan Islam, 9(2), 127-144.